

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

03 Julai 2015

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dalam satu AGM baru-baru ini, seorang pengarah syarikat telah disingkirkan melalui proses pengundian namun dilantik semula pada keesokan harinya melalui pelantikan mengisi kekosongan biasa. Amalan ini memang tidak baik kerana pemegang saham telah menunjukkan rasa tidak puas hati mereka terhadap pengarah-pengarah tersebut untuk mengurus syarikat. Ini adalah kerana undang-undang tidak menghalang pengarah-pengarah tersebut dilantik semula oleh pengarah lain untuk terus mengurus.

Tambah pula, syarikat ini merupakan syarikat di mana juruaudit luar telah mengeluarkan pendapat bersyarat terhadap penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 di samping mengalami kerugian pada suku pertama Mac 2015.

Saham syarikat terus meningkat walaupun telah menerima amaran daripada Bursa Malaysia yang memaklumkan pelabur supaya berhati-hati dalam dagangan saham dan waran syarikat tersebut.

Berdasarkan perkembangan ini kami terus memantau rapi syarikat ini.

Sementara itu, Fitch telah menyemak semula prospek negara kepada “stabil” daripada “negatif”, dan mengesahkan penarafan kredit asing jangka panjang negara pada tahap ‘A-’ yang menandakan keyakinan terhadap langkah-langkah kerajaan untuk terus memastikan kekukuhan ekonomi di mana langkah-langkah metrik fiskal negara telah dilaksanakan seperti cukai barang & perkhidmatan (GST) dan rasionalisasi subsidi minyak.

Diharap perkembangan positif ini akan membawa kepada pengukuhan matawang ringgit yang kini dalam keadaan lemah.

Menyentuh perkara berasingan, saya ingin memaklumkan Jawatankuasa Kouncil Pelabur Institusi Malaysia (Kouncil) telah ditubuhkan pada 3 Julai 2015. Kouncil yang mempunyai 14 ahli ini dipengerusikan oleh Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Penubuhan Kouncil ini menandakan satu lagi aspek penting dalam landskap tadbir urus korporat negara, berikutan pelancaran Kod Pelabur Institusi pada bulan Jun tahun lepas.

Objektif Kouncil ini adalah untuk mewakili kepentingan pelabur institusi di Malaysia, untuk menjadi platform bagi mempengaruhi budaya tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat tersenarai awam dan untuk menggalakkan pemakaian Kod di kalangan pelabur institusi.

Saya percaya penubuhan Kouncil ini adalah tepat pada waktunya di mana pelabur institusi sebagai satu kumpulan yang berpengaruh akan dapat memainkan peranan yang lebih besar dan efektif di dalam tadbir urus, penyeliaan dan pelaburan bertanggungjawab. Saya gembira pelabur institusi yang besar di

Malaysia, pengurus dana serta persatuan industri telah sama-sama bersetuju untuk menyokong agenda ini.

Dalam beberapa AGM yang telah diadakan baru-baru ini, kami dapati pemegang saham minoriti telah berinteraksi secara aktif dengan Lembaga Pengarah dan mengajukan soalan-soalan yang berkualiti malah juga telah mengemukakan beberapa idea strategik untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah. Kami ingin melihat lebih banyak penglibatan berkualiti di kalangan pemegang saham minoriti di dalam mesyuarat agung syarikat.

Rita

---

## KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

### *PENUBUHAN MAJLIS PELABUR INSTITUSI MALAYSIA*

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) dengan sukacitanya mengumumkan penubuhan Majlis Pelabur Institusi Malaysia (Majlis).

Penubuhan Majlis tersebut adalah berikutan pelancaran Kod Pelabur Institusi pada 27 Jun 2014. Kod tersebut telah dilancarkan secara bersama oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan MSWG yang merangkumi satu set prinsip-prinsip yang akan membantu pelabur institusi untuk memenuhi tanggungjawab penyeliaan mereka dengan mempengaruhi dan menggalakkan budaya tadbir urus korporat yang baik di dalam syarikat pelaburan mereka. Kod tersebut menggalakkan kepimpinan yang lebih tinggi dalam tadbir urus dan pemilikan bertanggungjawab oleh pelabur institusi untuk memastikan nilai jangka panjang yang mampan kepada benefisiari melaui pemakaian prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Kod tersebut.

Majlis ini akan memainkan peranan penting untuk mewakili kepentingan bersama pelabur institusi di Malaysia. Inisiatif yang diterajui oleh industri ini akan menjadi platform untuk membentuk dan mempengaruhi lingkungan budaya tadbir urus yang lebih luas melalui antaranya, pemakaian efektif Kod Pelabur Institusi. Penubuhan Majlis ini juga adalah selaras dengan syor yang terkandung di dalam Rangka Tindakan Tadbir Urus Korprat yang dilancarkan oleh SC pada Julai 2011.

Objektif-objektif Majlis adalah seperti berikut:-

- i. Untuk mewakili kepentingan pelabur institusi di Malaysia.
- ii. Untuk menjadi platform yang dapat mempengaruhi budaya tadbir urus korporat yang baik oleh syarikat tersenarai awam.
- iii. Untuk menggalakkan pemakaian Kod Pelabur Institusi Malaysia di kalangan pelabur institusi.

Terma rujukan Majlis adalah seperti berikut:-

- i. Untuk mewakili kepentingan pelabur institusi dalam perkara-perkara yang menjejaskan kepentingan mereka dan bertindak sebagai saluran di antara pembuat polisi, pihak kawal selia dan pelabur institusi yang berkaitan dengan isu-isu tadbir urus korporat yang lebih luas.

- ii. Untuk membentuk misi dan arah strategik berkaitan dengan pembangunan Majlis Pelabur Institusi dan penambahbaikan kepada Kod Pelabur Institusi (Kod) pada masa hadapan.
- iii. Untuk menggalakkan, memberikan panduan dan memantau pemakaian efektif Kod di kalangan pelabur institusi dan menggalakkan pelabur institusi untuk menjadi penandatangani Kod.
- iv. Untuk menentukan dan membangunkan model yang mampan bagi Majlis Pelabur Institusi.

Encik Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi pertama bagi Majlis tersebut. Senarai lengkap ahli Majlis adalah seperti yang tertera di bawah.

MSWG adalah Sekretariat bagi Majlis Pelabur Institusi Malaysia.

	<b>Majlis Pelabur Institusi Malaysia (Ahli-ahli)</b>
1.	<b>Encik Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad</b> Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) <i>Pengerusi</i>
2.	<b>Puan Rita Benoy Bushon</b> Ketua Pegawai Eksekutif Minority Shareholder Watchdog Group Ketua Sekretariat/Ahli Majlis
3.	<b>Encik Mohamad Nasir Ab. Latif</b> Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Ahli Majlis
4.	<b>YBhg Datin Paduka Kartini bt Haji Abdul Manaf</b> Ketua Pegawai Strategi Permodalan Nasional Berhad Ahli Majlis
5.	<b>YBhg Dato' Johan Abdullah</b> Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pengarah Eksekutif Lembaga Tabung Haji Ahli Majlis
6.	<b>YBhg Datuk Zakaria Sharif</b> Timbalan Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera Ahli Majlis
7.	<b>YBhg Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed</b> Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial Ahli Majlis

8.	<b>Encik Jiv Sammanthan</b> Pengarah Eksekutif, Pejabat Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad Ahli Majlis
9.	<b>Encik Gerald Ambrose</b> Ketua Pegawai Eksekutif Aberdeen Islamic Asset Management Sdn Bhd Ahli Majlis
10.	<b>Dr Hans-Christoph Hirt</b> Pengarah Hermes Investment Management/ Hermes Equity Ownership Services Ahli Majlis
11.	<b>Encik Muhammad Fikri Mohamad Rawi</b> Timbalan Pengerusi Malaysian Takaful Association Ahli Majlis
12.	<b>Encik Toi See Jong</b> Presiden Life Insurance Association of Malaysia Ahli Majlis
13.	<b>Encik Nazaruddin Othman</b> Ketua Pegawai Eksekutif Federation of Investment Managers Malaysia Ahli Majlis
14.	<b>Dato' Steve Ong</b> Ketua Pegawai Eksekutif Private Pension Administrator Ahli Majlis

---

## **PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA**

### ***SHELL REFINING COMPANY (FEDERATION OF MALAYA) BERHAD (“SHELL REFINING”)***

Shell Refining telah mengadakan AGM yang ke-56 pada hari Selasa, 30 Jun 2015. Pemegang saham Shell Refining telah meluluskan kesemua resolusi yang dibentangkan pada AGM tersebut.

*[Sumber: Pengumuman oleh Shell Refining di laman web Bursa Malaysia pada 30 Jun 2015]*

### **KOMEN MSWG:**

Pemegang saham telah membangkitkan kebimbangan mengenai masa hadapan Syarikat pada AGM Shell Refining. Pengerusi syarikat telah memberikan pembentangan yang komprehensif mengenai rancangan melangkah ke hadapan dan telah menjawab dengan baik soalan-soalan yang diajukan oleh pemegang saham. Shell Refining telah menanggung kerugian sejak 4 tahun keawangan yang lalu disebabkan terutamanya oleh margin penapisan yang lemah dan salah satu daripada pinjaman berjangkanya sebanyak RM450 juta perlu dibayar pada 31 Disember 2015. Rancangan Syarikat melangkah ke hadapan

adalah sama ada untuk menukar pusat penapisan kepada sebuah terminal atau penjualan saham oleh pemegang saham utama iaitu Shell Overseas Holdings Limited. Bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2015, Shell Refining telah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM84.2 juta.

### **GENTING MALAYSIA BERHAD (“GENTING MALAYSIA”)**

Pada 11 Mei 2015, Genting Malaysia bercadang untuk memperoleh mandat daripada pemegang saham bagi pelupusan oleh Resorts World Limited, sebuah anak syarikat milik penuh tidak langsung Genting Malaysia, bagi kesemua 1,431,059,180 saham Genting Hong Kong Limited’s (“GENHK”), mewakili 17.81% daripada kesemua modal saham yang diterbitkan dan berbayar GENHK (“Cadangan Pelupusan”). Syarikat telah mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) berkaitan dengan Cadangan Pelupusan tersebut pada 2 Julai 2015.

[Sumber:

[http://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=170450&name=EA\\_DS\\_ATT\\_ACHMENTS](http://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=170450&name=EA_DS_ATT_ACHMENTS)

[http://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=170449&name=EA\\_DS\\_ATT\\_ACHMENTS](http://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=170449&name=EA_DS_ATT_ACHMENTS)

*Pengumuman oleh Genting Malaysia di laman web Bursa Malaysia pada 25 Jun 2015]*

### **KOMEN MSWG:**

Pada mesyuarat pada 2 Julai 2015 tersebut pemegang saham telah mengundi secara poll untuk menyokong resolusi (75.8%) dan 24.2% menentang. Beberapa pemegang saham telah membangkitkan kebimbangan mengenai harga minima sebanyak AS\$0.33 bagi pelupusan adalah di bawah aset ketara bersih (NTA) dan kos purata harga pembelian sebanyak AS\$0.42 bagi pelaburan tersebut.

Satu perkara utama yang menimbulkan kebimbangan yang telah dibangkitkan oleh MSWG bagi cadangan mandat tersebut yang turut disokong oleh pemegang saham lain adalah Tan Sri Lim Kok Thay dan pihak yang mempunyai kaitan dengan beliau terlibat dalam kedua-dua pelaburan tersebut. Berikutan itu, isu yang timbul adalah bagaimana pengarah bebas di dalam Lembaga Pengarah memastikan bahawa proses bidaan dan keputusan untuk memberikan kepada pembeli akhir adalah dalam kepentingan terbaik Genting Malaysia mengambilkira aspek ketelusan dan menangani isu konflik kepentingan.

---

## **Penganalisa MSWG**

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

#### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

#### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*